

# Korelasi Kewarganegaraan Global dengan Pemikiran Kebudayaan Guru Bandar dan Luar Bandar

Fatin Farhana Suaimi<sup>1</sup>, Kamisah Osman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*  
*E-mail:* [p98066@siswa.ukm.edu.my](mailto:p98066@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*  
*E-mail:* [kamisah@ukm.edu.my](mailto:kamisah@ukm.edu.my)

## Abstrak

Dunia ekonomi telah mendesak sistem pendidikan untuk membuka paradigma baru di mana, aspek kewarganegaraan dan pengetahuan kebudayaan menjadi aspek utama yang dicari dalam para graduan. Individu holistik yang celik isu semasa, berjiwa global, menghargai alam sekitar, mencintai keamanan, memperjuangkan keadilan dan berani mempertahankan hak individu merupakan antara ciri-ciri pelajar era globalisasi. Pendidik berperanan besar dalam melahirkan para graduan yang peka budaya dan memahami konsep kewarganegaraan secara kritikal. Namun, Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) mempunyai konsep yang terlalu luas dan mengelirukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyiasat hubungan antara Kewarganegaraan Global (KG) dan Pemikiran Kebudayaan (PK) guru bagi meningkatkan kualiti pembelajaran merentas disiplin ini. Hasil kajian melaporkan, tahap persepsi guru terhadap KG berada pada tahap sederhana dan tahap PK guru pada tahap memuaskan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap persepsi guru tentang KG dan PK berdasarkan lokasi. Hubungan korelasi antara KG dan PK adalah positif, signifikan dan kuat. Kajian ini dapat menyumbang pada strategi pengajaran guru untuk mengenal pasti skop kewarganegaraan yang perlu difokuskan, diintegrasikan dan dibuat perkaitan antara komponen KG dan PK dalam sesi pembelajaran. Justeru, para pendidik perlu memiliki PK yang tinggi agar dapat menyampaikan ilmu KG dengan lebih efektif seterusnya melahirkan para graduan yang berkualiti, peka budaya dan bersifat global.

**Kata kunci :** bandar, kewarganegaraan global, luar bandar, pemikiran kebudayaan..

## I. PENGENALAN

Kemajuan bidang sains dan teknologi telah mencipta dunia tanpa sempadan dan memberi impak yang besar terhadap landskap komunikasi global masa kini. Masyarakat dunia kini, berhubung dan berinteraksi dengan mudah, pantas dan efisyen secara formal dan tidak formal, sama ada dalam bidang sains, teknologi, korporat maupun sosial [1]. Realiti kehidupan kini, amat memerlukan tenaga pakar yang mampu berkomunikasi secara global dan mempunyai pemikiran kebudayaan yang matang, bagi menyahut persaingan di peringkat antarabangsa.

Hal ini telah mendesak sistem pendidikan di seluruh dunia, untuk mengkaji semula kesediaan para guru dan pelajar dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan tempatan yang mampu berfikiran secara kritikal dan global. Peranan guru dalam memperkenal, memupuk dan membudayakan sifat kewarganegaraan global (KG), adalah sangat penting dalam proses pembelajaran [2]. Elemen KG

yang merangkumi pengetahuan, interaksi, sikap dan pemikiran individu terhadap budaya, adat, bangsa dan agama masyarakat lain, telah menjadi perkara wajib yang perlu diketahui dan dititikberatkan oleh pelajar [3], [4]. Dalam konteks ini, KG merujuk kepada individu yang mempunyai rasa tanggungjawab, kasih sayang dan sifat keterbukaan dalam menerima, memahami dan berinteraksi antara komuniti setempat dan global [5].

UNESCO [6], menegaskan kepentingan Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) yang dapat melengkapkan pelajar dengan jati diri, nilai, kemahiran, pengetahuan dan pemikiran global yang berhasil dari rasa hormat terhadap hak manusia, keprihatinan terhadap isu global, kesaksamaan dan kesamarataan terhadap sosial serta rasa kasih sayang terhadap masyarakat berbilang budaya. Ban Ki-moon, Setiausaha Am UN, dalam laporan PKG, menegaskan bahawa pendidikan dapat menyatukan masyarakat menerusi pemahaman bahawa kita terikat antara satu sama lain sebagai warga global dan memiliki cabaran yang saling berkait [6]. Pelajar

yang mempunyai sifat KG akan lebih mengenali dan peka terhadap masyarakat sekeliling, mampu berkomunikasi dengan baik serta menerima dan melibatkan diri secara aktif dalam komuniti di peringkat tempatan mahupun global [7]. Menyedari tentang kepentingan ini, banyak negara telah mengadaptasi dan mengintegrasikan Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) dalam kandungan kurikulum mereka seperti negara Israel [8], Malaysia [3], Turkey [9], Amerika Syarikat [10], Korea [4], dan Australia [11].

Kajian lepas yang mengkaji tentang kewarganegaraan global sering mengaitkan pemikiran kebudayaan dalam perbincangan mereka [1], [9], [11]. Pemikiran kebudayaan (PK) seperti yang dinyatakan oleh Ang dan Van Dyne [12], mempunyai empat dimensi iaitu metakognitif, kognitif, motivasi dan sikap terhadap sesuatu budaya dalam sebuah komuniti. Ia juga merupakan penerapan kemahiran yang merangkumi pengetahuan terhadap kumpulan yang berbeza budaya, etnik, bangsa, agama, bahasa dan latar belakang serta peranan individu dalam usaha mewujudkan dunia yang lebih adil dan saksama [12]. Secara umumnya, ia dapat mengenal pasti pemikiran kebudayaan individu apabila berlakunya persilangan budaya dalam aktiviti sehari-hari. Oleh itu, PK dan KG menjadi kayu ukur dalam memastikan masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia, dapat mengecapi kehidupan yang aman dan makmur. Pelajar yang memiliki sifat KG dan PK yang tinggi dapat meningkatkan kesedaran mereka untuk terlibat secara aktif dan kritikal terhadap isu-isu yang timbul di peringkat tempatan mahupun antarabangsa [13]. Guru khususnya, merupakan tunjang utama dalam menanam sifat KG dan PK dalam jiwa pelajar agar dapat melahirkan pelajar yang berfikiran global, terkehadapan, matang dan mampu bersaing di persada dunia [2].

Satu kajian telah menjangkakan bahawa 50 peratus para graduan tidak akan memiliki kompetensi global yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan menjelang tahun 2030 [14]. Tinjauan beribu-ribu majikan mendapati bahawa institusi pendidikan perlu merancang kurikulum pembelajaran dengan lebih teliti agar dapat menyediakan graduan dengan set kemahiran global [15]. Sekiranya pelajar di Malaysia kekurangan kesedaran isu global, pengetahuan kebudayaan, kecekapan bertutur bahasa asing dan menghormati kepelbagaiannya, maka mereka akan rugi dalam proses pemilihan kemasukan universiti mahupun sektor pekerjaan [16]. Oleh itu, pendidik memikul tanggungjawab yang besar dalam mengaplikasikan

pembelajaran merentas disiplin ini, di mana kemahiran KG dan PK dapat diterapkan dalam diri pelajar seterusnya meningkatkan potensi kebolehpasaran pelajar di masa hadapan [17].

Kajian ini mengfokuskan elemen KG yang dapat diaplikasikan dalam bilik darjah seterusnya menyatakan perkaitan PK dalam usaha meningkatkan kualiti pemikiran global pelajar. Para pendidik menyatakan bahawa mereka kurang pengetahuan dan pendedahan terhadap konsep dan elemen KG yang perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mereka hilang minat dan kurang yakin akan kepentingan KG [9], [18]. Hal ini sangat membimbangkan kerana pengetahuan yang terhad dan ketidaksediaan guru dalam menyampaikan ilmu Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG), menimbulkan persepsi yang negatif terhadap KG sekaligus, mengakibatkan generasi muda kurang minat dan ambil mudah terhadap kepentingan hal ini [9].

Pengetahuan pertindanan budaya yang dipelajari sendiri melalui pengalaman hidup, tidak menjanjikan pembelajaran silang budaya yang sebenar. Menyediakan pengalaman pembelajaran dalam suasana pelbagai budaya tanpa mengaplikasikan rangka pedagogi yang membantu pelajar untuk membuat refleksi diri dan masyarakat berbilang bangsa, boleh mengakibatkan pelajar bersifat perkauman dan mempunyai pemikiran stereotaip terhadap kumpulan lain [18]. Pelajar menekankan bahawa sekiranya guru mengajar prinsip KG di dalam kelas, maka pelajar akan lebih peka dan dapat meningkatkan PK mereka [10]. Oleh itu, dalam skop ini, pengkaji ingin mengkaji persepsi guru terhadap KG dan pemikiran guru tentang kepelbagaiannya sebagai langkah pertama dalam menyelesaikan isu KG ini.

Guru di kawasan bandar dan luar bandar mempunyai persepsi KG yang berbeza [19], [20]. Pendekatan dan pendedahan terhadap PKG terhadap pelajar berstatus ekonomi rendah adalah lebih terarah kepada nilai, moral dan budaya masyarakat setempat, manakala pelajar berstatus ekonomi tinggi didedahkan dengan perkara dan isu yang lebih global seperti aktiviti sukarelawan, kehidupan, pemikiran profesional dan ekonomi masyarakat global [20]. Menurut Watskin dan Noble [11], guru perlu melibatkan diri dan perlu mempunyai ilmu dan persepsi yang positif terhadap kewarganegaraan dan kebudayaan supaya dapat bergerak seiring dengan kemajuan pedagogi dan kurikulum yang relevan dalam sistem persekolahan masa kini. Guru, sebagai ahli akademik dan pengamal intelektual, perlu berfikiran terkehadapan dalam mengaplikasikan

kefahaman KG secara produktif di dalam dan di luar bilik darjah bersama komuniti sekolah yang lain. Jurang yang lahir antara guru yang mengajar di kawasan bandar dan luar bandar ini, telah mendorong pengkaji untuk meneliti perbezaan persepsi guru bandar dan luar bandar serta hubungan pemikiran kebudayaan (PK) guru di bandar dan luar bandar terhadap kewarganegaraan global (KG).

## II. KAJIAN LITERATUR

### A. Kewarganegaraan Global (KG)

Perkembangan Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) telah menjurus kepada pelbagai penerokaan definisi, konsep dan model oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. PKG telah didefinisikan sebagai kesedaran, keprihatinan dan penerimaan masyarakat yang berbilang bangsa di peringkat tempatan dan global [21], [22], [23], kewarganegaraan global (KG) diukur dan diberi takrifan yang berbeza kepada pengkaji. Sebagai contoh, Oxley dan Morris [21] mengukur KG kepada dua kategori utama iaitu kosmopolitan, yang terdiri daripada politik, moral, ekonomi dan budaya masyarakat global, dan advokasi yang terdiri daripada sosial, kritikal, persekitaran dan rohani. Manakala Veugelers [23] membezakan KG kepada tiga kategori iaitu kewarganegaraan global secara terbuka, moral dan sosio-politik. KG mempunyai definisi, konsep dan dimensi yang luas serta tidak mempunyai kriteria yang spesifik atau selaras untuk mengukur tahap kewarganegaraan individu.

Sehubungan itu, kajian ini menggunakan model yang telah dibangunkan oleh Morais dan Ogden [5]. KG telah dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu (1) tanggungjawab sosial, (2) kompetensi global dan (3) penglibatan sivik individu di peringkat global. Tanggungjawab sosial diukur melalui isu sosial yang melibatkan ketidakadilan dan jurang antara masyarakat, sifat hormat dan empati individu terhadap isu global dan tempatan serta tanggungjawab, sikap dan hubungan individu terhadap masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya [5]. Kompetensi global pula mengfokuskan pada kesedaran diri, kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan global yang dimiliki oleh individu terhadap masyarakat setempat dan global [5]. Manakala, penglibatan sivik global, dilihat menerusi penglibatan individu dalam sesebuah organisasi seperti kerja amal dan sukarelawan, berani menyuarakan pendapat politik secara berhemah dan berintegrasi serta terlibat dengan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan [5]. Dalam konteks ini, KG diukur melalui hubungan yang dibina sesama masyarakat, kemahiran bersosial individu dan interaksi yang berlaku dalam sebuah komuniti.

### B. Pemikiran Kebudayaan (PK)

Era globalisasi masa kini, telah mewujudkan dunia di mana pelbagai masyarakat berbeza budaya berkumpul dan berinteraksi dengan efektif. Oleh itu, penting bagi individu yang aktif bersosial untuk memiliki pemikiran kebudayaan. PK merupakan keupayaan individu untuk menghubung kait dan membanding beza sesuatu norma, sistem amalan, cara bersosial, ekonomi dan budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat [24], [25]. PK juga ditakrifkan sebagai keberkesanan individu untuk berfikir secara terbuka, bersikap matang dan mampu mengadaptasi serta menyesuaikan diri dalam persekitaran budaya yang baru [26].

Ang dan Van Dyne [12] telah menerangkan konsep PK dengan "4 Model Faktor" iaitu metakognitif, kognitif, motivasi dan sikap. Metakognitif dimensi menerangkan tentang kebolehan seseorang individu untuk menganalisis dan mentafsirkan sesuatu keadaan sebelum bertindak [12]. Individu tersebut sedar akan kesensitiviti sesuatu golongan dan mampu berinteraksi dengan minda yang terbuka. Mereka mempunyai pengetahuan terhadap norma, amalan dan budaya sesebuah masyarakat berdasarkan pengalaman peribadi ataupun pengetahuan yang diperolehi secara formal dan tidak formal [12].

Seterusnya, ialah motivasi terhadap kebudayaan yang dikenal pasti melalui minat, keinginan dan usaha dalam memahami, menerima dan menyayangi sesebuah golongan masyarakat yang berbeza bangsa, budaya dan agama [12]. Dimensi yang terakhir ialah, sikap yang diekspresikan melalui tindakan secara lisan dan tidak lisan terhadap masyarakat [12]. Tindakan ini termasuklah, mempunyai pengetahuan terhadap bahasa, amalan dan pantang larang sesebuah kaum kemudian, bertindak berdasarkan pengetahuan tersebut. Individu yang memiliki pemikiran kepelbagaiannya budaya yang tinggi dapat menerima, menyesuaikan diri, menyayangi, bersikap prihatin, berkomunikasi, bergaul dan dapat memahami sesuatu budaya dengan baik.

### C. Persepsi Guru Bandar dan Luar Bandar terhadap Kewarganegaraan Global (KG)

Peranan guru dalam Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) sangat penting dalam membentuk masa depan pelajar yang berbeza latar belakang dengan persepsi dan konsep yang guru miliki terhadap KG. Kajian Dill [22] yang mengfokuskan pada pendekatan yang digunakan oleh guru semasa pembelajaran KG, mendapati guru menggunakan pendekatan kompetensi global, yang berfokus pada kemahiran untuk bersaing di peringkat global dan

pendekatan kesedaran global, yang berfokus pada orientasi global, sifat empati dan sifat sensitiviti masyarakat. Berdasarkan kajian Goren dan Yemini [20], mereka mendapati persepsi guru terhadap KG menyumbang kepada pendekatan pedagogi yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Guru yang mengajar pelajar berstatus ekonomi tinggi dapat membincangkan hal KG pada skala yang lebih besar berbanding pelajar yang berstatus ekonomi rendah [27]. Ini kerana, pelajar yang menetap di kawasan bandar dapat menghubungkaitkan keadaan di luar negara seperti budaya, pergaulan dan pemikiran masyarakat lain kerana mereka mempunyai pengalaman peribadi seperti melancong atau melawat negara lain serta terdedah kepada perkara dunia melalui internet atau pembacaan tambahan [20].

Berbeza dengan pelajar di luar bandar yang tidak mempunyai atau kurang pengalaman, pendedahan dan terbatas kemudahan fasiliti di sekolah mahupun di rumah [20]. Guru lebih mengutamakan konsep KG yang mudah pada pelajar luar bandar seperti nilai murni, moral, sikap dan tingkah laku [20]. Hal ini disokong oleh Dill [22] yang menyatakan bahawa guru menyampaikan ilmu kewarganegaraan global berdasarkan pendirian, pendapat dan prinsip yang dipegang oleh guru tersebut. Misalnya, jika guru tersebut mementingkan nilai dalam KG, maka guru tersebut akan tertumpu pada konsep nilai dan moral dalam pembelajaran beliau. Walhal, konsep KG sangat luas dan terdiri dari pelbagai cabang ilmu. Maka, penting bagi seorang guru untuk memiliki ilmu KG dan PK yang tinggi bagi memberi pendedahan maksima pada setiap pelajar melalui pelbagai kaedah pembelajaran secara kreatif dan inovatif.

### III. METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menyebarkan borang kaji selidik bagi mengumpul data di sekolah kawasan bandar dan luar bandar. Berdasarkan maklumat dari Kementerian Pelajaran Malaysia [28] populasi guru sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia adalah seramai 419,904. Justeru, sampel kajian dirujuk berdasarkan jadual penetapan saiz sampel yang dibangunkan oleh Krejie dan Morgan [29]. Pemilihan secara rawak mudah atas talian dan jumlah sampel yang diperlukan dalam kajian ini ialah seramai 381 orang guru.

Pengkaji menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Morais dan Ogden [5] bagi mengukur tahap persepsi kewarganegaraan global (KG), dan Van Dyne, Ang dan Koh [30] bagi

mengukur pemikiran kebudayaan (PK) guru. Terdapat tiga bahagian dalam instrumen ini iaitu, Bahagian A yang mengumpul maklumat demografi responden, bahagian B mengukur tahap KG guru dan bahagian C yang mengukur tahap PK guru.

Instrumen “Skala Pengukuran Kewarganegaraan Global” telah diadaptasi, diubahsuai dan pengukuran yang digunakan merupakan skala *Likert* yang mengandungi lima tahap iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju sedikit, setuju dan sangat setuju. Instrumen ini mengandungi 31 item dan 3 sub-dimensi iaitu tanggungjawab sosial, kompetensi global dan penyertaan awam global. Morais dan Ogden [5] telah menjalankan kesahan bagi kandungan instrumen ini dengan menggunakan dua kaedah iaitu (1) temubual bersama kumpulan kualitatif dan (2) menggunakan analisis faktor pengesahan atau *Content Factor Analysis*. Seramai 40 pakar pendidik luar negara telah di temu bual dan dikumpulkan idea kandungan KG. Kemudian, kandungan KG yang lengkap telah diuji dalam satu kursus yang terdiri daripada 288 orang pelajar yang belajar di luar negara. Kesemua kandungan telah disahkan oleh pakar dan kebolehpercayaan skala ini adalah signifikan ( $z > 1.96$ ,  $p < 0.01$ ). Nilai alfa Cronbach kebolehpercayaan Skala Kewarganegaraan Global boleh dilihat pada Jadual 3.1.

**Jadual 3.1** Jadual [1]

Dimensi dan subskala	Nilai Alfa Cronbach
Tanggungjawab sosial	0.79
Kompetensi Global	
Kesedaran Diri	0.69
Komunikasi Silang Budaya	0.76
Pengetahuan Global	0.67
Penglibatan Awam Global	
Penglibatan dalam Organisasi	
Awam	0.92
Suara Politik	0.86
Aktivisme Awam Global	0.74

Instrumen “Skala Pemikiran Kebudayaan” juga, telah diadaptasi dan diubahsuai bagi mengukur tahap pemikiran guru terhadap kebudayaan. Skala tersebut merupakan skala *Likert* yang mempunyai 5 tahap, mengandungi 4 sub-dimensi (pemikiran metakognitif, kognitif, motivasi, sikap) dan mempunyai 20 item kesemuanya. Kesahan kandungan telah dijalankan oleh Van Dyne, Ang dan Koh [30], di mana, mereka telah menjalankan satu kajian dengan 500 responden dan kesemua faktor PK adalah signifikan dengan nilai  $t$  di antara 8.96 hingga 33.07. Nilai alfa Cronbach

kebolehpercayaan pekali Skala Pemikiran Kebudayaan telah dikenalpasti sebanyak 0.937 dan kebolehpercayaan pekali bagi empat sub-dimensi pemikiran metakognitif, kognitif, motivasi dan sikap terhadap kebudayaan adalah sebanyak 0.887, 0.858, 0.900 dan 0.906. Berdasarkan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi, skala yang diadaptasi dan diubahsuai ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Data yang diperolehi dikumpul, disemak, ditapis dan direkodkan. Seterusnya dianalisis menggunakan program SPSS versi 23.0. Segala andaian telah dipenuhi dalam menganalisis data kajian secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif pengukuran min digunakan seperti dalam Jadual 3.2 bagi mengenal pasti tahap persepsi kewarganegaraan global dan pemikiran kebudayaan guru, yang dirujuk berdasarkan jadual Creswell [31].

**Jadual 3.2** Jadual [2]

Julat Skor Min	Interpretasi Min
1.0 – 1.80	Sangat tidak memuaskan
1.81 – 2.60	Tidak memuaskan
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Memuaskan
4.21 – 5.00	Sangat memuaskan

Analisis inferensi seperti ujian-T tidak bersandar dan analisis Korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kewarganegaraan global dengan pemikiran kebudayaan guru di bandar dan luar bandar pada aras signifikan 0.05. Kekuatan hubungan antara pembolehubah ditentukan berdasarkan Jadual 3.3 yang dirujuk daripada jadual korelasi dibangunkan oleh Sarwono [32].

**Jadual 3.3** Jadual [3]

**Jadual 4.1** Jadual [4]

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan %
Jantina	Lelaki	122	28
	Perempuan	312	72
	Jumlah	434	100
Lokasi Sekolah	Bandar	216	50
	Luar Bandar	218	50
	Jumlah	434	100

### B. Dapatan Tahap Persepsi Kewarganegaraan Global (KG) Guru

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan yang terdapat antara persepsi kewarganegaraan global (KG) dengan pemikiran kebudayaan (PK)

Nilai Signifikan	Interpretasi
0.00	Tiada korelasi
0.00 – 0.25	Korelasi sangat lemah
0.25 – 0.50	Korelasi cukup
0.50 – 0.75	Korelasi kuat
0.75 – 0.99	Korelasi sangat kuat
1.00	Korelasi sempurna

### IV. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan 434 orang guru sekolah rendah dan menengah. 28 peratus iaitu seramai 122 orang guru lelaki dan 72 peratus iaitu seramai 312 orang guru perempuan. Guru di Kawasan bandar dan luar bandar yang diperolehi adalah sama banyak dari segi peratusannya. Hasil daripada kajian, pengkaji melaporkan hubungan korelasi antara kewarganegaraan global (KG) dan pemikiran kebudayaan (PK) guru bandar dan luar bandar. Pembelah ubah bersandar bagi kajian ini ialah persepsi guru terhadap kewarganegaraan global dan pembelah ubah tidak bersandar ialah pemikiran kebudayaan dan lokasi sekolah. Data yang diperolehi bersifat homogen.

#### A. Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 4.1, responden kajian merupakan guru di kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia. Kekangan yang dihadapi pengkaji semasa menjalankan kajian sewaktu pandemik Covid-19 melanda negara telah memaksa pengkaji untuk menabur borang soal selidik di atas talian menerusi pelbagai medium media sosial. Secara keseluruhan, peratusan guru perempuan lebih banyak berbanding guru lelaki dan guru di kawasan bandar dan luar bandar adalah sama yang telah menjawab soal selidik ini.

guru. Jadual 4.2 menunjukkan tahap persepsi KG guru berada pada tahap sederhana ( $\bar{x} = 3.26$ ,  $s.p = 0.46$ ). Dapatan ini menggambarkan tahap persepsi guru tidak mencukupi dalam membudayakan KG dalam sesi pembelajaran. Profesional perguruan

memerlukan lebih banyak latihan dalam melahirkan insan yang berjiwa global seperti menghormati budaya lain, sensitif terhadap isu semasa dan mempunyai keazaman dalam menyumbang ke arah pembangunan insan [33] Individu yang bersifat global mampu berfikir dengan kritikal, berdebat dengan efektif, berkomunikasi dalam menyelesaikan isu atau konflik dengan matang dan

berani memperjuangkan hak dengan adil dan saksama [9]. Oleh itu, persepsi guru terhadap KG perlu ditingkatkan sebagai usaha pertama dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran global dan bergiat aktif dalam aktiviti sosial

**Jadual 4.2** Jadual [5]

Persepsi Kewarganegaraan Global Guru	Purata ( $\bar{x}$ )	Sisihan Piawai (s)	Interpretasi Min
	3.24	0.46	Sederhana

Dalam konteks ini, kita dapat lihat di Jadual 4.3 faktor yang paling tinggi merupakan persepsi guru terhadap kompetensi global ( $\bar{x} = 3.61$ ,  $s.p = 0.51$ ) dan paling rendah merupakan penglibatan global ( $\bar{x} = 3.01$ ,  $s.p = 0.66$ ). Guru mempunyai persepsi yang rendah terhadap aktiviti kemasyarakatan yang memerlukan interaksi matang dan berkesan. Kajian lepas menggariskan kepentingan demokrasi, pembangunan lestari, kesaksamaan jantina, kesihatan dan kesejahteraan serta hak asasi manusia, di mana pelajar mempunyai pengetahuan dan peka terhadap isu global tersebut

[3]. Pelajar cenderung untuk melihat isu global dan mengaitkannya dengan negara sendiri [34]. Oleh hal yang demikian, guru yang kurang peka terhadap isu-isu global yang memerlukan penglibatan secara aktif, akan memberi kesan yang negatif terhadap proses pembelajaran KG pelajar. Guru memainkan peranan untuk membimbing pelajar dalam mencari identiti global, mempelajari sesuatu yang baru di luar bilik darjah, menanam minat terhadap sesuatu perkara dan mendemonstrasikan sikap yang positif terhadap isu yang berlaku di peringkat global mahupun tempatan [2].

**Jadual 4.3** Jadual [6]

Elemen Kewarganegaraan Global	Purata ( $\bar{x}$ )	Sisihan Piawai (s)	Interpretasi Min
Tanggungjawab Sosial	3.17	0.59	Sederhana
Kompetensi Global	3.61	0.51	Memuaskan
Penglibatan Awam Global	3.01	0.66	Sederhana

### C. Dapatan Tahap Persepsi Pemikiran Kebudayaan (PK) Guru

Berdasarkan Jadual 4.4, persepsi guru terhadap pemikiran kebudayaan berada pada tahap memuaskan ( $\bar{x} = 3.67$ ). Hal ini sangat menyenangkan, kerana guru di Malaysia peka dan celik terhadap situasi bilik darjah yang pelajarnya terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga, mengamalkan budaya dan adat yang berbeza serta mampu mencipta suasana pembelajaran yang harmoni. Pendidik perlu mempunyai corak pemikiran yang mampu menyahut cabaran

kepelbagaian populasi dalam bilik darjah [35]. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia yang terbahagi kepada tiga kaum terbesar yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India, mendesak sistem pendidikan di Malaysia untuk mengutamakan perpaduan kaum. Laporan Razak pada tahun 1956 menyatakan bahawa sistem pendidikan yang baik perlu mencerminkan kepelbagaian, menitikberatkan budaya, agama dan latar belakang masyarakat lain [36]. Justeru, penting bagi seorang guru untuk memiliki pemikiran kebudayaan yang positif, berinteraksi dengan efektif dan mampu menyalurkan maklumat kebudayaan dengan baik.

**Jadual 4.4** Jadual [7]

	Purata ( $\bar{x}$ )	Sisihan Piawai (s)	Interpretasi Min

Tahap Pemikiran Kebudayaan Guru	3.67	0.61	Memuaskan
---------------------------------	------	------	-----------

Pemikiran Kebudayaan mempunyai empat faktor utama dalam mengukur tahap pengetahuan guru iaitu faktor metakognitif, kognitif, motivasi dan sikap [12]. Kajian ini mendapat faktor motivasi ( $\bar{x} = 3.79$ ,  $s.p = 0.72$ ) merupakan faktor tertinggi dan kognitif ( $\bar{x} = 3.47$ ,  $s.p = 0.70$ ) merupakan faktor terendah dalam PK guru. Selari dengan kajian lain yang mendapat guru tidak mengimplementasikan aspek kepelbagaiannya budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kurang pengetahuan pendidikan kebudayaan yang sebenar [9].

Aspek kognitif menggambarkan pemikiran kritis guru terhadap isu global dan membuat perkaitan dengan amalan, budaya dan norma masyarakat setempat [9]. Ia juga melibatkan

pengetahuan guru terhadap sosiolinguistik, perundangan, ekonomi dan sistem yang terdapat di dalam maupun luar negara [9]. Penting sekiranya guru dapat mengenalpasti, memahami dan membanding beza nilai budaya masyarakat tempatan dan dunia bagi menyampaikan dan membuat hubung kait dalam sesi pembelajaran [37]. Motivasi guru terhadap PK adalah yang tertinggi dalam kajian ini, di mana, guru mampu memamerkan tingkah laku dan perbuatan yang positif semasa berinteraksi dalam sebuah komuniti [38]. Hal ini penting kerana sikap positif yang dipamerkan guru dapat melahirkan pelajar yang berfikiran terbuka terhadap budaya lain, memahami norma masyarakat dan meningkatkan minat terhadap isu global [3].

Jadual 4.5 Jadual [8]

Elemen Pemikiran Kebudayaan	Purata ( $\bar{x}$ )	Sisihan Piawai (s)	Interpretasi Min
Metakognitif	3.69	0.71	Memuaskan
Kognitif	3.47	0.70	Memuaskan
Motivasi	3.79	0.72	Memuaskan
Sikap	3.76	0.66	Memuaskan

#### D. Perbezaan Kewarganegaraan Global Guru berdasarkan Lokasi

Jadual 4.6 mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap persepsi kewarganegaraan global guru bandar ( $\bar{x} = 3.26$ ,  $s.p = 0.41$ ) dan luar bandar ( $\bar{x} = 3.27$ ,  $s.p = 0.45$ ),  $t(432)=0.36$ ,  $p=0.72$ , di mana persepsi guru terhadap KG adalah sama tidak mengira lokasi. Hasil kajian ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Goren dan Yemini [20], [39], yang menggariskan perbezaan persepsi guru terhadap pelajar yang berlainan status. Guru menerangkan konsep KG dengan skop yang lebih kecil dan mudah terhadap pelajar yang berstatus ekonomi rendah berbanding terhadap pelajar yang berstatus ekonomi tinggi [20]. Hal ini kerana, pelajar yang tinggi status ekonomi sosialnya dapat membuat perkaitan tentang konsep KG yang lebih kompleks seperti gaya hidup dan budaya negara luar, keberanian menyuarakan pendapat dan pengalaman melancong, berbanding pelajar miskin. Guru luar bandar menyatakan bahawa pelajar tidak berminat untuk mengetahui dan menghubungkan isu di dalam atau luar negara apabila mereka sendiri menghadapi kesempitan hidup [39]. Pembelajaran KG yang sebenar, hanya

akan berlaku kepada pelajar bandar yang mempunyai status ekonomi yang tinggi, di mana pelajar dapat mengakses informasi dengan baik seterusnya mengaitkan apa yang dipelajari dengan kehidupan sebenar [20], [39]. Berbeza dengan kajian ini, di mana pengkaji mendapat persepsi guru terhadap KG dan PK tidak dipengaruhi oleh lokasi guru mengajar.

Dill [22], menegaskan bahawa, persepsi guru terhadap KG akan mempengaruhi kandungan pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Pendekatan yang diambil oleh guru akan membentuk minda pelajar, samada pendekatan yang mengasah kemahiran pelajar atau pendekatan yang menanam nilai kewarganegaraan diri seperti empati, sensitiviti dan kasih sayang. Dalam usaha melahirkan warganegara yang efektif dan celik global, pelajar perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melibatkan diri secara aktif dalam komuniti yang berbilang budaya. Namun, jurang pencapaian akademik, golongan minoriti dan majoriti serta status ekonomi pelajar telah mencabar sistem pendidikan untuk mengembangkan ilmu KG pelajar [40].

Jadual 4.6

Jadual [9]

Lokasi	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Bandar	216	3.26	0.41	-0.36	
Luar Bandar	218	3.27	0.45		0.72

#### E. Korelasi antara Kewarganegaraan Global dan Pemikiran Kebudayaan

Pengkaji melaporkan dalam Jadual 4.7 bahawa, terdapat hubungan korelasi positif yang kuat antara persepsi kewarganegaraan global dan pemikiran kebudayaan guru ( $r = 0.55$ ,  $p < 0.01$ ). Memahami tentang KG global sahaja tidak mencukupi dalam dunia kompleks masa kini. Para pendidik perlu memiliki pemikiran kebudayaan yang tinggi bagi

menyahut cabaran era globalisasi. Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) merupakan satu ilmu yang sangat luas, penting dan merentas pelbagai disiplin ilmu [4]. Berbeza dengan kajian lepas yang mendapati KG dan PK tidak mempunyai hubungan antara satu sama lain [9], elemen PK banyak dibincangkan dan dikaitkan dengan KG [9], [11],[38]. Justeru, pengkaji yakin akan hubungan kuat antara KG dan PK.

**Jadual 4.7** Jadual [10]

Hubungan antara Kewarganegaraan Global dengan Pemikiran Kebudayaan	Pekali Korelasi (r)	Sig. (s)	Interpretasi
	0.55	0.01	Kuat dan positif

#### V. KESIMPULAN

Pendidikan Kewarganegaraan Global (PKG) sangat penting terutamanya terhadap negara membangun seperti Malaysia. Pemikiran guru terhadap KG lebih terbuka dan mereka mempunyai usaha aktif dalam memahami norma masyarakat lain tetapi kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti sukarelawan, demonstrasi dan bersosial dalam organisasi. Para pendidik mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam mempelajari dan mengadaptasi budaya baru, bertindak sewajarnya dalam masyarakat yang pelbagai dan berkomunikasi dengan baik dalam komuniti yang berbilang bangsa.

Dapatan kajian ini melaporkan bahawa Kewarganegaraan Global mempunyai hubungan yang kuat dengan Pemikiran Kebudayaan. Kajian dan eksperimen lanjut perlu dijalankan dalam usaha menaik tarafkan kualiti PKG. Pengkaji mengesyorkan agar kajian dilaksanakan terhadap sampel kumpulan yang berbeza dan menyiasat dengan lebih mendalam tentang perbezaan antara guru bandar dan luar bandar. Hal ini kerana, kajian lepas mempamerkan perbezaan dapatkan berdasarkan lokasi guru mengajar [20], [39]. Sektor pembangunan kini, mendesak para graduan untuk menguasai ilmu KG dan memiliki PK yang matang agar mereka dapat menganalisis dan menghubung kaitkan isu global semasa dengan tempatan. Guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai salah satu individu pemegang saham dalam meningkatkan kualiti negara agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

## RUJUKAN

- [1] M. Goh, "Teaching with Cultural Intelligence: Developing Multiculturally Educated and Globally Engaged Citizens", *Asia Pacific Journal of Education*, vol 32, no. (4), pp. 395-415, 2012.
- [2] J. O'Meara, T. Huber and E.R. Sanmiguel, "The role of teacher educators in developing and disseminating global citizenship education strategies in and beyond US learning environments", *Journal of Education for Teaching*, vol. 5, no. 44, pp 1-18, 2018.
- [3] H. Yusof, M. A. Noor, M. Mansor, and J. Yunus, "Knowledge, Skills, and Attitudes of Malaysian Student on Global Citizenship Education", *Cakrawala Pendidikan*, vol. 38 no. 3, pp. 426-437, 2019.
- [4] Y. Auh, and H.R. Sim, "Global Justice and Education for Global Citizenship: Considerations for Education Policy-Planning Process", *Asian Journal of Political Science*, vol. 26, no. 2, pp. 221-237, 2018.
- [5] D.B. Morais and A.C. Ogden, "Initial Development and Validation of the Global Citizenship Scale", *Journal of Studies in International Education*, vol. 15, no. 5, pp. 445-466, 2011.
- [6] UNESCO. *Global citizenship education* (GCED). Paris: UNESCO Press, 2015.
- [7] A. Osler, "Citizenship Education and Diversity" dalam J.A. Banks, (Ed) *Encyclopedia of Diversity in Education*. vol. 1, CA. pp. 353-361.
- [8] M. Yemini, F. Tibbitts, and H. Goren, "Trends and caveats: Review of literature on global citizenship education in teacher training", *Teaching and Teacher Education*, vol. 77, pp. 77-89, 2019.
- [9] A. Yüksel, and F. Ereş, "The Correlation between Global Citizenship Perceptions and Cultural Intelligence Levels of Teachers", *Universal Journal of Educational Research*, vol. 6, no. 5, pp. 1069-1076, 2018.
- [10] H. Aydin, U. Ogurlu, K. Andrew, A.R. Masalimova, E. M. Dorozhkin, A.A Malygin, "High School Students' Perceptions of Global Citizenship in Central Public High Schools: Implications for Teacher Educators", *Revista De Cercetare Si Interventie Sociala*, vol. 65, pp 187-205, 2019.
- [11] M. Watkins, and G. Noble, "Thinking Beyond Recognition: Multiculturalism, Cultural Intelligence, and the Professional Capacities of Teachers", *The Review of Education, Pedagogy and Cultural Studies*, vol. 38, no. 1, pp. 42-57, 2016.
- [12] S. Ang and L. Van Dyne, *Handbook on Cultural Intelligence: Theory, Measurement and Applications*. Armonk, NY: M.E. Sharpe, 2008.
- [13] Oxfam. Global Citizenship in the classroom: A guide for Teachers, <http://www.oxfam.org.uk/education/global-citizenship/globalcitizenship-guides>. 2015.
- [14] J.P. Robinson and R. Winthrop, "Millions Learning: Scaling up Quality Education in Developing countries", Center for Universal Education at The Brookings Institution. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED568939.pdf>, 2016.
- [15] V. Jacobone and G. Moro, "Evaluating the impact of the Erasmus programme: skills and European identity", *Assessment & Evaluation in Higher Education*, vol. 40, no. 2, pp. 309-328, 2015.
- [16] G. Gambino and S. Mohsin Hashim, "In Their Own Words: Assessing Intercultural Competence 64 ELTHE: A Journal for

- Engaged Educators Global Citizenship in a Short-term Study-Abroad Program in Bangladesh", *Journal of Political Science Education*, vol. 12, no. 1, pp. 15–29, 2016.
- [17] M.C. Almada, D. Bramlett and H. Ramírez, "Getting Real about Career Readiness: A Focus on Cross-Sector Competencies ", (ERIC Publication No. ED596346). America Achieves Educator Networks. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED596346.pdf>, 2018.
- [18] F. Trede, W. Bowles and D. Bridges, "Developing Intercultural Competence and Global Citizenship through International Experiences: Academics' Perceptions", *Intercultural Education*, vol. 24, no. 5, pp. 442-455, 2013..
- [19] M. Yemini and A. Fulop, "The International, global and intercultural dimensions in schools: An analysis of four international Israeli schools", *Globalisation, Societies and Education*, vol. 13, no. 4, pp. 528-552, 2015.
- [20] H. Goren and M. Yemini. "The Global Citizenship Education Gap: Teacher Perceptions of the Relationship between Global Citizenship Education and Students' Socio-Economic Status" *Teaching and Teacher Education*, vol. 67, pp. 9-22, 2017.
- [21] L. Oxley and P. Morris, "Global Citizenship: A Typology for Distinguishing Its Multiple Conceptions", *British Journal of Educational Studies*, vol.61, no. 3, pp. 301-325, 2013.
- [22] J. S. Dill, *The longings and limits of global citizenship education: The moral pedagogy of schooling in a cosmopolitan age*. New York: Taylor & Francis Group, 2013.
- [23] W. Veugelers. "The Moral and the Political in Global Citizenship: Appreciating Differences in Education", *Globalisation, Societies and Education*, vol. 9, no. 4, pp. 437-485, 2011.
- [24] S. Ang, L. Van Dyne, C. Koh, K.Y. Ng, J.K. Templer, C. Tay and N.A. Chandrasekar, "Cultural intelligence: Its measurement and effects on cultural judgement and decision making, cultural adaptation and task performance", *Management and Organization Review*, vol. 3, no.3, pp. 335-371, 2007.
- [25] N. Kumar, R.C. Rose, and R. Subramaniam, "The effects of personality and cultural intelligence on international assignment effectiveness: A review", *Journal of Social Science*, vol. 4, no. 4, pp. 320–328, 2008.
- [26] A.S. Troy, A.J. Shallcross, T.S. Davis and I.B. Mauss, "History of mindfulness-based cognitive therapy is associated with increased cognitive reappraisal ability", *Mindfulness*, vol. 4, no. 3, pp. 213–222, 2013.
- [27] A. Cohen, "Navigating Competing Conceptions of Civic Education: Lessons from Three Israeli Civics Classroom", *Oxford Review of Education*, vol. 42, pp. 391-407, 2016.
- [28] Kementerian Pendidikan Malaysia. Statistik Bilangan Sekolah, Murid & guru, 2019 <https://www.moe.gov.my/en/statistik-menu/statistik-bilangan-sekolah-murid-guru>
- [29] R.V. Krejie, and D.W. Morgan, *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, vol. 30, pp. 608, 1970.
- [30] L. Van Dyne, S. Ang and C. Koh, Development and Validation of the CQS: The Cultural Intelligence Scale. dalam S. Ang, L. Van Dyne (Eds.), *Handbook of Cultural Intelligence: Theory, Measurement, and Applications*, M.E. Sharpe Inc., New York, 2008
- [31] J. W. Creswell, *Educational research: Planning, conducting, and evaluating*

- quantitative and qualitative research.* Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc, 2005.
- [32] J. Sarwono, *Panduan Cepat dan Mudah SPSS 14*. Yogyakarta: Graha Ilmu, 2006.
- [33] D. Gögebakan-Yıldız, "Global citizenship training program for teacher candidates", *Educational Research and Reviews*, vol. 13, no. 12, pp. 436-446, 2018.
- [34] J. Leek, "Global citizenship education in school curricula: A polish perspective", *Journal of Social Studies Education Research*, vol. 7, no. 2, pp. 51-74, 2016.
- [35] S. A. Sharifah Norsana and A.G. Mohamed Najib, "Multicultural Education in Malaysia Perspective: Instruction and Assessment", *Proceedings of the International Association for Educational Assessment, Manila: Philippines, 2018.* <https://iaea.info/documents/multicultural-education-in-malaysian-perspective-instruction-and-assessment/>
- [36] Abdul Razak Baginda. *Education in multicultural societies perspective on education in Malaysia*. England: Asean Academic Press, 2005.
- [37] K.Y. Ng, L. Van Dyne and S. Ang, "Cultural intelligence: A review, reflections, and recommendations for future research". Cited in A. M. Ryan, F. T. L. Leong, & F. L. Oswald (Eds.), *Conducting multinational research: Applying organizational psychology in the workplace*, pp.29–58, 2012. American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/13743-002>
- [38] O.E. Varela, "Multicultural competence: an empirical comparison of intercultural sensitivity and cultural intelligence", *European J. International Management*, vol. 13, no. 2, pp. 177-197, 2019.
- [39] H. Goren and M. Yemini, "Global citizenship education in context: Teacher perceptions at an international school and a local Israeli school", *Compare: A Journal of Comparative and International Education*, vol. 46, no. 5, pp. 832-853, 2016. <https://doi.org/10.1080/03057925.2015.1111752>
- [40] J.A Banks, "Diversity and Citizenship Education in Multicultural Nations", *Multicultural Education Review*, vol. 1, no. 1, pp. 1-28, 2009.

### Senarai Jadual

- [1] Jadual 3.1 : Nilai Alfa Cronbach Skala Kewarganegaran Global
- [2] Jadual 3.2: Interpretasi Min
- [3] Jadual 3.3: Interpretasi Korelasi
- [4] Jadual 4.1: Profil Demografi Responden
- [5] Jadual 4.2: Tahap Persepsi Kewarganegaraan Global Guru
- [6] Jadual 4.3: Analisis Elemen Kewarganegaraan Global Guru
- [7] Jadual 4.4: Analisis Tahap Pemikiran Kebudayaan Guru
- [8] Jadual 4.5: Analisis Elemen Pemikiran Kebudayaan Guru
- [9] Jadual 4.6: Ujian T-Tidak Bersandar Perbezaan Persepsi Guru Bandar Dan Luar Bandar
- [10] Jadual 4.7: Ujian Korelasi Pearson Kewarganegaraan Global dan Pemikiran Kebudayaan Guru

### AUTHOR'S INFORMATION

<p><b>Pengarang</b> <b>Pertama:Fatin Farhana Suaimi</b></p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Malaysia E-mail: <a href="mailto:p98066@siswa.ukm.edu.my">p98066@siswa.ukm.edu.my</a></p>
<p><b>Pengarang Kedua : Prof. Dr. Kamisah binti Osman</b></p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Malaysia E-mail: <a href="mailto:kamisah@ukm.edu.my">kamisah@ukm.edu.my</a></p>